

15 APR 1996

Senjata api

KERAJAAN AKAN PERIKSA KELULUSAN PERMIT SENJATA API SELURUH NEGARA

KUALA LUMPUR, 15 April (Bernama) -- Kementerian Dalam Negeri akan melakukan pemeriksaan tidak lama lagi untuk memastikan kesahihan kelulusan bagi permit senjata api yang telah dikeluarkan di seluruh negara, kata Timbalan Menterinya Datuk Megat Junid Megat Ayub.

Beliau berkata pemeriksaan itu merangkumi proses, prosedur dan cara sesuatu permohonan permit senjata api diluluskan.

"Terdapat kes-kes yang menunjukkan seseorang memperolehi permit senjata api sedangkan permohonannya telah ditolak. Ada juga kes yang permohonannya dibuat di Selangor tetapi diluluskan di Johor. Kita juga hendak memeriksa sama ada terdapat permit yang dipalsukan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang dekat sini malam tadi, setelah mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan mengadakan lawatan rasmi ke negara-negara Balkan.

Pembekuan serta-merta pengeluaran semua permit senjata api di seluruh negara seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri baru-baru ini akan dimanfaatkan bagi tujuan pemeriksaan itu, kata Megat Junid.

"Kita tidak mahu orang yang tidak patut memiliki senjata api, ada senjata api," katanya.

Pembekuan dan pemeriksaan permit senjata api itu timbul berikutan kes penjualan senjata api secara haram membabitkan bekas juara penembak skit negara Vincent Teo dan penangkapan ahli perniagaan Sabah Datuk Alfred Chin berhubung kes penyeludupan senjata api di Taiwan.

Megat Junid berkata pemeriksaan itu tidak terikat kepada tempoh tertentu kerana kementerian memerlukan masa secukupnya untuk membuat pemeriksaan menyeluruh.

Dalam perkembangan lain, Megat Junid mengumumkan kementerian itu telah membekukan permohonan penubuhan syarikat keselamatan selama dua tahun mulai 1 Jan lepas.

Ini kerana kementerian sedang memeriksa 180 syarikat keselamatan yang sedia ada ekoran terdapat kes syarikat yang mengambil budak bawah umur, bekas penjenayah dan pemegang kad pengenalan merah sebagai pengawal keselamatan.

Beliau berkata ada juga syarikat yang dipajakkan kepada orang lain. --
BERNAMA

JM NMO